

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]

SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat kajian dilakukan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menyatukan peranan JAKIM dan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) dalam satu organisasi demi kepentingan industri halal negara memandangkan negara lain seperti Thailand dan Turki sedang berusaha meningkatkan industri halal masing-masing sebagai standard Islam dunia.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , pada 8 Julai 2009 Kerajaan telah bersetuju bahawa pengurusan pensijilan halal Malaysia diteruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dengan tanggungjawab JAKIM sebagai badan tunggal pensijilan halal Malaysia

meliputi pensijilan halal di dalam dan luar negara, manakala *Halal Industry Development Corporation* (HDC) bertanggungjawab dalam pembangunan industri halal merangkumi pembangunan keupayaan dan penjenamaan halal, promosi, konsultansi dan latihan. Keputusan tersebut telah dimasukkan dalam peruntukkan Seksyen 3, Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), hanya JAKIM dan Majlis Agama Islam bagi Negeri-Negeri (MAIN) diperakui sebagai pihak berkuasa berwibawa untuk melaksanakan pensijilan halal di Malaysia.

Kerajaan berpendapat bahawa pengasingan di antara HDC sebagai agensi yang bertanggungjawab kepada pembangunan industri dan JAKIM sebagai badan pensijilan halal adalah wajar untuk mengelakkan berlakunya '*conflict of interest*' dalam membuat keputusan pensijilan halal.

Oleh itu, tiada keperluan untuk menjalankan kajian bagi menyatukan peranan Jakim dan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) dalam satu organisasi. Walau bagaimanapun, JAKIM dan HDC sentiasa bekerjasama dalam memastikan objektif menjadikan Malaysia sebagai hab halal dunia tercapai.

Sekian, terima kasih.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABDUL
RAHMAN [TANJONG MANIS – BN]**

SOALAN (NO.172)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mempromosi lebih banyak lagi sukan *non-contact* seperti gimnastik berbanding sukan *contact* seperti *mixed martial art* (MMA) memandangkan rakyat Malaysia lebih baik dalam sukan yang tidak melibatkan pertandingan berbentuk fizikal berdasarkan saiz badan orang Asia berbanding dengan saiz orang Eropah.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara sentiasa berusaha untuk memastikan agar semua program latihan yang dirancang mengambil kira akan keputusan dan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan yang mana Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 15 September 2004 telah menyatakan supaya tumpuan diberikan kepada acara-acara sukan yang tidak memerlukan 'Body Contact' seperti sukan menembak, boling, gimnastik dan lain-lain.

2. Majlis Sukan Negara telah menggariskan beberapa strategi yang telah dan sedang dilaksanakan di pelbagai peringkat. Antara strategi tersebut adalah seperti berikut:
 - i) Penumpuan kepada 19 jenis Sukan Teras di mana atlet-atlet Malaysia boleh dilatih untuk menjadi atlet bertaraf dunia. (Akuatik Renang/Terjun, Angkat Berat, Berbasikal Trek, Badminton, Bola Sepak Lelaki, Boling Padang, Gimnastik, Hoki Lelaki, Karate, Memanah, Menembak, Olahraga, Pelayaran, Sepaktakraw, Tinju, Skuasy, Taekwondo, Tenpin Boling dan Wushu). Pemilihan sukan-sukan ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti rekod prestasi yang cemerlang, kemudahan asas sedia ada di pelbagai peringkat, sukan-sukan popular dan kemampuan persatuan di dalam melaksanakan program;

SULIT

- ii) Penumpuan kepada sukan yang tidak memerlukan faktor fizikal yang ketara seperti boling padang dan tenpin boling. Faktor fizikal sama sekali tidak mempengaruhi kejayaan seseorang atlet dari sukan tersebut dan meletakkan semua atlet bersaing di landasan yang sama semasa pertandingan;
- iii) Penumpuan kepada sukan yang mempunyai kategori berat badan yang rendah seperti sukan angkat berat, karate, taekwondo dan tinju, memandangkan ianya memberi peluang yang sama bagi atlet negara bersaing dengan negara lain di dalam kategori berat yang sama;
- iv) Penumpuan kepada sukan-sukan yang bercorak teknikal seperti sukan akuatik terjun dan gimnastik yang mana latihan kemahiran yang tinggi dan berterusan yang disediakan dapat meningkatkan prestasi atlet negara;
- v) Penumpuan kepada sukan-sukan yang memerlukan sasaran (Precision Sports) seperti sukan memanah dan menembak, memandangkan fizikal atlet tersebut tidak menjadi penentu kepada kejayaan malah dengan peningkatan kemahiran melalui program latihan yang lebih sistematik dapat menjamin kejayaan yang lebih cemerlang;
- vi) Penumpuan kepada sukan-sukan yang menggunakan peralatan seperti berbasikal dan pelayaran kerana sukan ini memberi peluang yang sama rata kepada atlet negara bersaing dengan atlet luar negara di dalam pertandingan antarabangsa.

3. Strategi pelaksanaan program latihan yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara bersama rakan-rakan strategik yang lain telah menunjukkan hasil dengan lahirnya atlet bertaraf dunia seperti Dato' Lee Chong Wei (badminton), Dato' Nicol Ann David (skuasy), Pandelega Rinong (akuatik terjun), Azizulhasni Awang dan Fatehah Mustapha (berbasikal), Khairul Anuar Mohamad (memanah), Syafiq Ridhwan Abdul Malek dan Shalin Zulkifli (tenpin boling), Khairul Nizam Mohd Afendy (Pelayaran), Nur Suryani Mohd Taibi dan Nur Ayuni Farhana Abdul Halim (menembak).
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, daripada 19 jenis sukan teras di bawah program MSN, 16 sukan merupakan sukan *non-contact*. Di antaranya ialah sukan terjun, badminton, berbasikal, memanah, menembak, hoki, bola sepak, olahraga dan lain-lain. Sehubungan itu, Kementerian melalui Institut Sukan Negara telah dan sedang melaksanakan program pencarian bakat di peringkat akar umbi melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia di kalangan kanak-kanak semenjak usia 7 hingga 12 tahun. Ia melibatkan beberapa komponen ujian antropometrik dan kecergasan fizikal.
5. Bateri ujian antropometrik melibatkan beberapa jenis komponen ujian iaitu berat, tinggi, tinggi duduk serta panjang depa tangan yang boleh menentukan potensi bakat atlet yang disaring bagi sukan tertentu. Bateri ujian kecergasan fizikal mengandungi antara lain ujian kuasa, kepantasan, kelenturan, kekuatan, ketangkasan dan daya tahan jantung. Ujian-ujian memainkan peranan penting dalam penentuan keupayaan bakat-bakat yang berpotensi untuk

SULIT

diasah bakat mereka. Keseluruhan bateri-bateri ujian ini diaplikasikan ke atas kedua-dua jenis sukan berbentuk *body contact* dan *non body contact*.

6. Pembangunan bakat atlet daripada peringkat umur mula sehingga mewakili negara adalah dalam jangkamasa 8-10 tahun. Ia bermula daripada latihan awalan, asas sukan dan seterusnya kepada peringkat spesifik sukan mengikut umur. Di samping itu, setelah pemilihan kali kedua dibuat terhadap atlet terbabit, Kementerian juga melihat kepada kecenderungan 'kemampuan motor' dan fizikal struktur badan yang sesuai dengan sukan yang dipilih.
7. Sehubungan itu, fungsi Kementerian adalah untuk menggalakkan penglibatan semua dalam sukan melalui promosi yang lebih terbuka dan ini adalah dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan mempromosi, dan secara tidak langsung semakin banyak pendedahan yang diterima oleh masyarakat umum.
8. Di samping itu juga, sukan *contact* yang terpilih adalah merupakan jenis sukan yang berciri kategori berat badan seperti karate-do, taekwando, silat serta tinju. Justeru itu, ia memberi peluang bersaing pada tahap saksama. Sukan karate-do contohnya memenangi 7 pingat emas di Sukan Sea 2013 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

SOALAN : 173

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat kajian daripada Kementerian untuk mengesahkan bahawa kemalangan yang berlaku di Malaysia sama ada melibatkan kenderaan berat dan ringan adalah berpunca daripada kecuaiian manusia (*negligence*) sama ada pemandu, pengusaha berbanding dari punca kerosakan mekanikal kenderaan dan keadaan jalan (*road surface & design*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan analisis saintifik yang dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap data kemalangan jalan raya pada tahun 2011, adalah didapati penyumbang utama terhadap kemalangan jalan raya di Malaysia adalah berpunca daripada kecuaiian manusia iaitu sebanyak 80.5%. Peratusan ini adalah lebih tinggi berbanding faktor-faktor lain iaitu faktor keadaan/persekitaran jalan raya yang menyumbang sebanyak 13.3% dan kerosakan teknikal kenderaan sebanyak 6.2%. Kecuaiian manusia ini termasuklah "*aggressive driving*" yang berpunca daripada masalah dalaman seperti sikap marah, memandu dalam keadaan lemah dan lesu, memandu secara melulu dan membahayakan serta tidak mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah syarikat Bumiputera yang terlibat dalam membekalkan perisian kepada 1BestariNet dan adakah perisian/kandungan 1BestariNet sekarang mematuhi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam projek 1BestariNet, KPM tidak melaksanakan perolehan perisian dan kandungan pelajaran. Walaupun demikian, KPM telah melaksanakan perolehan perisian dan kandungan pelajaran melalui sebut harga dan tender terbuka mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan berkaitan perolehan kerajaan. Segala perolehan perisian dan kandungan adalah mematuhi KSSR dan KSSM yang berkaitan.